

**Dana Pinjaman RM6 Juta Industri Kecil Bakal Bantu Pengusaha Berskala Besar
Bernama
24 Mac, 2014**

MUAR, 24 Mac (Bernama) -- Sejumlah RM6 juta dana pinjaman industri kecil berasaskan tani dan makanan Johor akan digunakan untuk membantu pengusaha yang berminat menjalankan perusahaan berskala besar secara berkelompok.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Ismail Mohamad berkata badan-badan seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan diberikan keutamaan untuk mendapatkan pinjaman menerusi skim kendalian Agro Bank itu.

"Pengusaha individu pula akan digalakkan membuat pinjaman daripada Tekun Nasional yang menyediakan pinjaman serendah RM5,000 tanpa perlu mengemukakan cagaran untuk memulakan perusahaan," katanya selepas merasmikan pakej projek usahawan lebah anjuran Jabatan Pertanian Negeri Johor di Pusat Latihan Pertanian di Pagoh di sini semalam.

Beliau berkata perubahan tersebut dibuat selepas mendapati banyak pengusaha individu liat untuk membayar balik pinjaman.

Ismail berkata menerusi pinjaman Tekun, usahawan kecil akan menjelaskan pinjaman mereka mengikut tempoh yang ditentukan kerana pegawai dari Tekun akan mengutip hutang pada setiap minggu.

Selain itu, melalui pinjaman Tekun, mereka boleh mendapatkan pinjaman berperingkat-peringkat sehingga RM100,000 jika prestasi bayaran balik pinjaman dilunaskan dengan baik.

Terdahulu, Ismail berkata Agro Bank yang diamanahkan untuk mengendalikan pinjaman tersebut terpaksa menghapus kira hutang 25 orang peserta di bawah skim satu daerah satu industri yang membuat pinjaman berjumlah RM300,000 setelah mereka gagal menjelaskan hutang atas beberapa sebab tertentu.

Skim pinjaman itu yang diperkenalkan pada tahun 2000 terpaksa ditangguhkan dan wang kumpulan pinjaman berkenaan dilabur semula sehingga menjadikan jumlahnya terkumpul sebanyak RM6 juta.

Berkenaan program menggalakkan usahawan lebah di Johor, Ismail berkata hasrat untuk melahirkan 10 usahawan lebah berpendapatan RM5,000 sebulan pada tahun ini akan tercapai.

Setakat ini, seramai enam usahawan lebah yang berpendapatan RM5,000 hingga RM 6,000 sebulan telah pun berjaya dibangunkan, katanya sambil menambah peserta projek tersebut akan dilatih di

Pusat latihan Lebah Madu di Parit Botak, Senggarang, Batu Pahat selama beberapa minggu sebelum memulakan perniagaannya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024230>